

DEWAN ديوان بهاس BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Sultan Ibrahim

Pematuhan terhadap
**Bahasa
Kebangsaan**

- Pematuhan Dasar Pengutamaan Bahasa Melayu: Mengapakah Masih Menjadi Isu?
- Kedaulatan Bahasa, Kedaulatan Jiwa
- Bahasa Melayu Terpinggir: Apakah Penawarnya?



Bil. 03/2026

KK 499-91326-0326
ISSN 1511-9092



JendelaDBP

f Dewan Bahasa DBP

deewanbahasadbp

#MalaysiaMembaca



Jiwa Bahasa

Ada sesuatu yang bernafas dalam kata,
tidak kelihatan, tetapi terasa,
ibarat cahaya di dalam dada,
yang menyala, ikhlas di jiwa.

Bahasa bukan bunyian semata,
tetapi denyutan antara manusia,
di situlah hati bertemu hati,
tanpa jurang atau nama.

Menutur budi lidah bicara,
berdetak lunak di dalam jiwa,
kerana di sebalik bait kata,
ada rasa mengikat makna.

Apabila kata kehilangan jiwa,
dunia sunyi tanpa suara,
bahasa kerana hanya bernyawa,
manusia bisa bertutur bicara menyusun bicara.

Mohd Elfie Nieshaem Juferi
Batu 9, Cheras, Selangor.

Gurindam Bahasa Baku

Wahai pembaca seluruh negara,
Mari merenung perihal bahasa.

Jika lidah disalah guna,
Luka di hati sukar dilupa.

Apabila bicara tidak beradab,
Rosak bangsa, runtuh dan ranap.

Apabila tutur tidak dijaga,
Maruah sekeluarga akan tercela.

Andai ilmu lupa dituntut,
Akal buntu, hidup terbantut.

Jika menulis tanpa bimbingan,
Bahasa rosak, hilang pedoman.

Jika bahasa tidak dimartabat,
Maruah bangsa kelak sesat.

Apabila sastera tidak dipelihara,
Pudarlah jiwa, gersang budaya.

Jika ejaan sengaja dipinggirkan,
Luntur makna, huru-hara fikiran.

